

**DEWAN NEGARA MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**

**TARIKH : 16 JUN 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-**

(a) apakah langkah dan usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memberi kesedaran pada rakyat Malaysia akan fenomena perubahan iklim yang kini melanda seluruh dunia; dan

(b) adakah Kementerian bercadang mewujudkan Pelan Dasar Perubahan Iklim seperti di negara China bagi mengambil langkah pencegahan terhadap fenomena iklim tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah melaksanakan program kesedaran mengenai perubahan iklim melalui kempen kesedaran alam sekitar yang diadakan dari semasa ke semasa bersama-sama agensi dan jabatan di bawah Kementerian.

Antara program-program tersebut adalah Rakan Alam Sekitar (RAS), Penerbitan brosur bertajuk *You Can Fight Climate Change Today*, Penerbitan Buku *Climate Change in Malaysia*, Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS), Penerbitan Majalah Era Hijau, Penerbitan Majalah IMPAK, Kempen “Tabiat takpa, bumi binasa”, dan Pameran Alam Sekitar; dan

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Negara telah pun mempunyai Dasar Perubahan Iklim Negara yang telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 30 Ogos 2010. Dasar ini bertujuan untuk dijadikan panduan dalam mengintegrasikan isu perubahan iklim dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan dan proses membuat keputusan; menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara lestari dan pembangunan insan; serta pemuliharaan alam sekitar.

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### (a) Program-program kesedaran yang berkaitan perubahan iklim

#### (i) Rakan Alam Sekitar (RAS)

RAS merupakan satu program kesedaran oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam usahanya yang berterusan untuk menyedarkan masyarakat Malaysia tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Program ini melibatkan semua lapisan masyarakat secara langsung untuk membantu agensi-agensi Kerajaan dalam menangani kegiatan yang mencemar dan merosakkan alam sekitar di semua kawasan. Program ini juga direkabentuk supaya mempunyai unsur-unsur pemantauan, perlaksanaan dan maklumbalas keberkesanan aktiviti yang dijalankan. Program ini melibatkan Ahli-Ahli Parlimen yang menjalankan sendiri aktiviti kesedaran bersama penduduk di kawasan mereka. Program ini dijangka akan membantu agensi Kerajaan dalam menjalankan tugas mengawal dan mencegah pencemaran alam sekitar. Bagi memantapkan lagi program Rakan Alam Sekitar ianya akan dijalankan di setiap kawasan Parlimen.

#### (ii) Penerbitan brosur bertajuk “*You Can Fight Climate Change Today*”

Brosur ini diterbitkan bagi tujuan pembelajaran dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai Perubahan Iklim. Terdapat langkah-langkah yang boleh diambil oleh masyarakat dalam kehidupan seharian untuk mengurangkan kesan perubahan iklim.

(iii) Penerbitan Buku *Climate Change in Malaysia*

Buku ini diterbitkan untuk menyediakan maklumat bagi tujuan pembelajaran, penyelidikan dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai Perubahan Iklim. Buku ini mengandungi usaha-usaha yang dilakukan kerajaan selari dengan komitmen Malaysia terhadap Konvensyen Antarabangsa berkaitan perubahan iklim dan pemanasan global.

(iv) Bandar Lestari – Anugerah Alam Sekitar

Program ini dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Jabatan Kerajaan Tempatan dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI UKM) bertujuan untuk mengiktiraf usaha dan sumbangan badan pentadbiran bandar-bandar untuk mencapai kelestarian alam sekitar melalui polisi dan tindakan. Anugerah ini adalah berdasarkan kepada 5 kriteria pemilihan iaitu Persekitaran Fizikal, Inisiatif Ekologi, Perkhidmatan Alam Sekitar, Pentadbiran Alam Sekitar dan Pendidikan dan Kesedaran. Pihak Berkuasa Tempatan adalah kumpulan sasaran program ini.

(v) Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar

Program ini dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI UKM) bertujuan untuk memupuk nilai murni dan meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan warga sekolah, serta mewujudkan suasana sekolah yang kondusif bagi melahirkan warga yang mempraktikkan amalan hidup lestari. Program ini mengandungi 4 komponen utama iaitu Penghijauan, Perancangan dan Pengurusan, Ko-Kurikulum dan

Kurikulum (pendidikan alam sekitar merentas kurikulum). Pelajar sekolah adalah kumpulan sasaran utama.

(vi) Anugerah Langkawi

Anugerah ini diwujudkan sempena termaktubnya Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar yang ditandatangani oleh Ketua-Ketua Kerajaan Negara-Negara Komanwel (CHOGM) pada 21 Oktober 1989. Anugerah ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghormatan tertinggi kepada individu berwarganegara Malaysia yang telah memberi sumbangan signifikan dalam bidang alam sekitar. Sijil anugerah ini ditandatangani oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

(vii) Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Program ini merupakan kerjasama antara JAS dengan Majlis Debat Universiti - Universiti Malaysia (MADUM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai isu-isu alam sekitar di kalangan mahasiswa agar lebih peka terhadap masalah alam sekitar. Kumpulan sasaran program ini adalah golongan mahasiswa dan mahasiswi dari IPT.

(viii) Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)

Program KeKAS dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar bertujuan untuk membina sikap positif dan bertanggungjawab serta menyemai rasa kasih dan sayang terhadap alam persekitaran dan keindahan alam semulajadi terhadap para peserta dari pelajar-pelajar sekolah dan Kerajaan Negeri. Kem ini berpandukan

kepada 7 Modul KeKAS, iaitu Ekosistem Bandar, Ekosistem Tanah Tinggi, Ekosistem Pinggir Pantai, Ekosistem Ladang Kelapa Sawit, Ekosistem Sungai, Ekosistem Pertanian Organik dan Ekosistem Hutan.

(ix) Penerbitan Majalah Era Hijau

Majalah Era Hijau diterbitkan khusus untuk menyebarkan kesedaran alam sekitar di kalangan para pelajar melalui bahan bacaan yang interaktif dan informatif dan diterbitkan sebanyak 4 kali setahun.

(x) Penerbitan Majalah IMPAK

Majalah IMPAK diterbitkan khusus untuk meningkatkan pemahaman alam sekitar di kalangan orang ramai melalui media cetak dan diterbitkan sebanyak 4 kali setahun.

(xi) Pameran Alam Sekitar

Pameran ini dijalankan sepanjang masa pada setiap tahun dan bertujuan untuk memberikan pemahaman lanjut mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar terhadap orang ramai. Kumpulan sasaran adalah orang awam dan Kerajaan Negeri.

(xii) Kempen “Tabiat takpa, bumi binasa”

Kempen “tabiat takpa, bumi binasa ini” yang dijalankan dalam tahun 2007 melalui penayangan mesej kesedaran melalui siaran televisyen, radio, majalah, akhbar serta medium lain bagi menyampaikan mesej kepada seluruh warga Malaysia berkenaan tanggungjawab penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab

setiap individu. Kempen ini dijalankan sepanjang tahun 2007 dengan pelancaran dibuat semasa program Jom-Heboh (Ogos 2007) oleh Y.A.B Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi.

**(b) Dasar Perubahan Iklim Negara**

Dasar ini juga berperanan sebagai rangka kerja untuk mengerakkan serta memberikan panduan kepada agensi kerajaan, industri, komuniti serta pihak berkepentingan dalam menghadapi cabaran perubahan iklim secara menyeluruh. Sesi rundingan yang telah diadakan dari tahun 2007 hingga 2009 telah mendapat sokongan padu daripada semua pihak berkepentingan. Justeru itu, dasar ini akan membantu mengenal pasti tindakan secara bersepadu diambil ke arah mencapai matlamat pembangunan lestari. Bagi tujuan ini, penunjuk prestasi utama perlu dikenal pasti supaya pelaksanaan tindakan tersebut boleh dipantau dan dilaporkan kepada pihak yang berkenaan.

Dasar ini turut melengkapi dasar yang sedia ada dan juga mengambil kira prinsip-prinsip konvensyen antarabangsa di peringkat global. Dasar ini mengandungi 5 prinsip, 10 teras strategik dan 43 tindakan utama (key actions) yang menggariskan tindakan secara terperinci yang perlu di ambil sebagai langkah bersepadu untuk menangani isu perubahan iklim.

**DISEDIAKAN OLEH**

Nama : DR. LIAN KOK FEI  
Jawatan : SUB  
No. Telefon Bimbit :  
Jabatan : PASPI

**DISEMAK OLEH**

Nama : DATUK DR ABDUL RAHIM HJ NIK  
Jawatan : TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA  
No. Telefon Bimbit :  
Jabatan : NRE

**DILULUSKAN OLEH**

Nama : DATO' SRI ZOAL AZHA YUSOF  
Jawatan : KETUA SETIAUSAHA  
No. Telefon Bimbit :  
Jabatan : NRE